



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 11 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **88 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **5,113 kes** (76 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 11 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **70 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 31 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ingin dimaklumkan juga, bahawa daripada 70 kes baharu yang dilaporkan hari ini, terdapat **13 kes import** dan 57 kes penularan tempatan.

Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,726 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,504 kes**.

Sehingga kini, seramai **20 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat penambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **109** kes (1.62 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-109 (kes ke-6657) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 63 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan penyakit barah hati. Beliau telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 8 Mei 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 10 Mei 2020 jam 5.15 pagi.

### **PENGGUNAAN *RAPID TEST KIT* (RTK) ANTIBODI TIDAK DISARANKAN SEBAGAI UJIAN PENGESAHAN COVID-19**

KKM mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak, iaitu berkenaan penggunaan *Rapid Test Kit* (RTK) *antibody* di klinik swasta bagi saringan pekerja untuk kembali bertugas. Sepertimana yang sering KKM tekankan, ujian bagi mengesan virus COVID-19 adalah ujian berasaskan antigen iaitu melalui ujian *Real time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (rRT-PCR) ataupun ujian RTK Antigen.

Kedua-dua ujian tersebut memerlukan pengambilan *Nasopharyngeal* (NPS) *Swab* oleh anggota yang terlatih dengan menggunakan alat pelindung diri (PPE) yang bersesuaian serta kelengkapan makmal seperti *Biological Safety Cabinet* (BSC) ketika memproses sampel yang telah diambil.

Manakala, ujian serologi RTK Antibodi yang menggunakan sampel darah dari hujung jari (*finger prick*) tidak boleh digunakan sebagai ujian pengesahan. Ini kerana kehadiran antibodi tidak dapat mengesahkan jangkitan semasa (*active infection*). Keputusan antibodi negatif pula tidak menjamin individu yang diuji tersebut tidak dijangkiti COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, ujian RTK Antibodi boleh digunakan bagi tujuan pelaksanaan kajian prevalen jangkitan COVID-19 di dalam masyarakat atau di kalangan kumpulan sasaran (seperti kumpulan

pekerja). Ini selari dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di mana, RTK antibodi boleh digunakan dalam aktiviti surveilan dan kajian epidemiologi.

Untuk makluman, buat masa ini tiada bukti kukuh dari kajian saintifik yang menunjukkan bahawa orang yang telah pulih daripada COVID-19 dan mempunyai antibodi adalah terlindung daripada jangkitan kedua (*second infection*).

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai untuk terus mengambil langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 serta mempraktikkan norma-norma baharu iaitu:

- 1) Elakkan keluar dari rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting sahaja;
- 2) Mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain;
- 3) Mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau *handsanitizer*;
- 4) Digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*) di tempat awam atau tempat orang ramai berkumpul.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

11 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 11 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>95</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>121</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>255</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>3</b>	<b>1,607</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>16 (8)</b>	<b>742</b>
<b>MELAKA</b>	<b>1</b>	<b>211</b>
<b>JOHOR</b>	<b>0</b>	<b>667</b>
<b>PAHANG</b>	<b>4</b>	<b>312</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>110</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>10</b>	<b>327</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>0</b>	<b>543</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>35 (4)</b>	<b>1,458</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>1 (1)</b>	<b>89</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>70 (13)</b>	<b>6,726</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import